

**Agong Serah Surat Cara Pelantikan Anggota Jawatankuasa Rasuah SPRM
Bernama
17 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menyerahkan surat cara pelantikan kepada enam anggota Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Istana Negara di sini, pada Selasa.

Turut hadir Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abu Kassim Mohammed.

Mendahului senarai penerima ialah pengerusi jawatankuasa itu yang juga Anggota Parlimen Kangar Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad diikuti Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Senator Datuk Doris Sophia Brodi dan Anggota Parlimen Kota Belud Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Tiga lagi penerima ialah Anggota Parlimen Maran Datuk Ismail Abdul Muttalib, Timbalan Pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw dan Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub.

Kesemua anggota jawatankuasa itu dilantik mengikut Seksyen 14(2) Akta SPRM untuk tempoh 25 Feb 2012 hingga 24 Feb 2015.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681146>

